

31 OCT 2003
India-Mahathir/I
BEBERAPA KOLUMNIS INDIA PUJI DR MAHATHIR

Oleh: Mahesh Prasad

NEW DELHI, 31 Okt (Bernama) -- Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara daripada jawatan Perdana Menteri hari ini dipuji oleh beberapa kolumnis media India khasnya kerana sumbangan beliau dalam mewujudkan sebuah masyarakat majmuk yang dinamis.

Dalam satu ruangan, kolumnis Praful Bidwai berkata kerjaya politik Dr Mahathir selama 22 tahun bertumpu pada usaha menentang pelampau Islam di Malaysia dan mewujudkan satu masyarakat majmuk yang terdiri daripada orang Melayu, Cina dan India yang hidup bersama pada tahap kemakmuran yang tidak dapat ditandingi di kebanyakan negara membangun, apa lagi India.

Merujuk kepada ucapan Dr Mahathir di sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), katanya: "Saya pada mulanya menulis mengutuk Dr Mahathir kerana kata-kata anti Yahudi beliau. Tetapi selepas membaca dengan teliti teks ucapannya, saya menyedari ia hanya sebahagian kecil daripada apa yang beliau katakan. Apa yang ditekankan oleh beliau adalah lain sama sekali; dalam menentang fanatisme dan keganasan atas nama jihad, dan merayu bagi Islam yang sederhana, liberal, dan berwawasan ke hadapan."

Penulis itu berkata Dr Mahathir sebenarnya meluahkan kekecewaan berjuta-juta umat Islam di seluruh dunia akibat sejarah penjajahan yang lama dan sukar, kestabilan yang tidak menentu di Asia Barat dan kekalahan berturut-turut negara-negara Arab di tangan Israel.

Beliau memetik Dr Mahathir sebagai berkata, "Kita semua Islam. Kita semua tertindas. Kita semua dihina".

Bagaimanapun, kata penulis itu Dr Mahathir menentang dengan jelas paranoia dan kemarahan membuta tuli: "Orang yang marah tidak dapat fikir dengan baik. Dan oleh itu kita dapati beberapa daripada orang kita bertindak tidak rasional. Mereka lancarkan serangan, membunuh sesiapa sahaja, termasuk rakan seagama untuk melepaskan kemarahan mereka. Setiap usaha untuk mencapai penyelesaian aman di sabotaj. Tetapi serangan

itu
tidak menyelesaikan apa-apa. Umat Islam hanya lebih tertindas. Satu
strategi bertimbang rasa dan kesabaran boleh menyelesaikan keluhan
dunia
Islam.

Mahathir dipetik oleh penulis itu sebagai berkata; Tindakan
berhenti
sejenak dan berfikir dengan tenang bukan mensia-siakan masa. Kita
perlu
berundur secara strategik dan khasnya untuk menilai situasi kita
dalam
keadaan tenang.

Penulis itu berkata, ini tidak dapat dinafikan sebagai rayuan
bagi
pembaharuan, kesederhanaan, permodenan dan pemikiran logik yang
jarang
kedengaran dalam dunia Islam. Bukti pencapaian Dr Mahathir dalam hal
ini
begitu baik.

Dalam satu lagi ruangan, V. Anantha Nageswaran, memuji seruan Dr
Mahathir semasa sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
(APEC)
baru-baru ini supaya agenda perdagangan global ditakrif semula. Dr
Mahathir, kata penulis itu, betul dalam mencadangkan bahawa
perdagangan
bebas tidak bermakna perdagangan adil seperti yang dilihat selama
ini.

Penulis itu berkata para pemimpin APEC mungkin memperoleh
kejayaan
peribadi dalam memperkecilkan Dr Mahathir, tetapi kalah dalam
perjuangan
politik mereka untuk membasmi kemiskinan dan keganasan.

-- BERNAMA
MP AHH PR